



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 15 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PANTAI SELAMAT PIKAT PENYU BERTELUR, GAYA ALAM, UM -26 PENAMBAHBAIKAN PESISIR PANTAI SUATU KEPERLUAN, GAYA ALAM, UM -27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4.	PENGELUARAN HASIL PERTANIAN DAN MAKANAN TIDAK TERJEJAS, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE MOST FARMERS UNDER FAMA NOT AFFECTED ECONOMICALLY BY PANDEMIC, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5. 6.	AGROBANK TAWAR PEMBIAYAAN PERCEPAT TEKNOLOGI PERTANIAN, BH -ONLINE AGROBANK TAWAR PEMBIAYAAN PERCEPAT TEKNOLOGI PERTANIAN, SH -ONLINE	AGROBANK
7. 8.	HARGA BAJA, RAVUN NAIK BEBANKAN PEKEBUN, DALAM NEGERI, UM 1 & 4 DULU SELENGGARA NURI, KINI TERNAK ARNAB, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA ALAM	26



Kurang aktiviti masyarakat di kawasan pantai menjadi faktor penyu kembali bertelur."

DR. MOHD. UZAIR RUSLI

Pantai selamat pikat penyu bertelur

Oleh **INTAN SUHANA**
CHE OMAR
intan.suhana@medkamula.com.my

SITUASI pantai yang kurang dikunjungi oleh orang ramai semenjak pandemik Covid-19 menjadi faktor utama penyu kembali bertelur di kawasan berkenaan.

Perkara itu didedahkan oleh Ketua Penyelidik *Sea Turtle Research Unit* (SEATRU) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Uzair Rusli yang mengulas mengenai video tular seekor penyu Agar yang mendarat untuk bertelur di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu, baru-baru ini.

Katanya, kurang aktiviti masyarakat di kawasan pantai menjadi faktor penyu kembali bertelur.

Penyu yang bertelur



PENYU Agar yang bertelur di kawasan pantai.

itu berkemungkinan akan mendarat semula selepas 10 hingga 12 hari di pantai yang sama.

"Penyu akan bertelur secara purata lima kali ketika musim bertelur dan ia akan kembali bertelur di pantai yang sama setiap dua hingga tiga tahun," katanya.

Tambahnya, spesies penyu berkenaan adalah populasi yang paling banyak bertelur di kawasan pantai negeri itu.

"Memandangkan negara masih lagi dilanda pandemik, aktiviti atau kegiatan luar kurang dianjurkan di kawasan pantai.

"Ini mewujudkan situasi selamat bagi penyu untuk bertelur tanpa sebarang gangguan atau ancaman.

"Penyu mula mencari kawasan bertelur seawal pukul 3 petang lagi. Ini bukti bahawa jika kita jaga pantai dan jadikan kawasan tersebut 'mesra penyu', tidak mustahil penyu akan naik sepanjang 245 kilometer (KM) pantai di negeri ini," ujarnya lagi.



SPESIES penyu Agar yang sering bertelur di kawasan pantai Kuala Terengganu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA ALAM	27

Penambahbaikan pesisir pantai suatu keperluan

DALAM pada itu, Dr. Uzair yang juga Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran optimis pendaratan penyu akan semakin bertambah sekiranya beberapa penambahbaikan dilakukan di pesisir pantai.

Antaranya ialah usaha seperti mengurangkan pencahayaian terus ke pantai serta penanaman pokok.

"Kita perlu tambah baik pantai kita seperti mengurangkan pencahayaian terus ke pantai.

"Limpahan cahaya perlu ditutup supaya tidak boleh dilihat dari arah laut. Tukar pencahayaian kepada lampu berwarna merah kerana penyu kurang sensitif dengan gelombang cahaya ini.

"Seterusnya, saya mencadangkan agar pihak berkaitan mempertimbangkan untuk menanam pokok renek di sepanjang pantai, contohnya pokok merambong yang didapati sesuai untuk melindungi penyu ketika aktiviti persarangan," katanya memberi cadangan.

Menaikkan papan tanda pemberitahuan awam bagi mendidik pengunjung pantai



PENYEBARAN maklumat berkaitan penyu adalah ilmu luar kelas yang mustahak bagi memastikan masyarakat tidak menjadi ancaman kepada penyu.

berkaitan aktiviti yang boleh dan tidak boleh dilakukan ketika beriadah di kawasan

pantai juga antara kaedah boleh dilakukan dalam menarik pantasi menjadi sebagai persarangan penyu.

Dalam perkembangan sama, Dr. Uzair turut bersedia menawarkan kerjasama dalam bentuk kolaborasi pemindahan ilmu.

Katanya, UMT bersedia menawarkan latihan kepada mana-mana organisasi atau individu yang berminat untuk turut serta dalam usaha ini.

"Terbaharu kami menerima lawaanan dari Pasukan Pengkapol Kelana C, Kuala Terengganu yang bersedia untuk

bekerjasama dengan Jabatan Perikanan melakukan aktiviti pemantauan secara berkala.

"Seloknya dari komuniti setempat untuk berganding bahu bersama memelihara pantai dan memantau aktiviti persarangan penyu ini," jelasnya lagi.

Dr. Uzair turut menegaskan, semua pihak perlu bekerjasama bagi memastikan spesies terancam itu terus kekal mendarat di pantai-pantai dalam negara.

Lantaran itu, usaha mendidik terutamanya dalam komuniti pesisir pantai perlu dipertingkatkan.

Dalam masa sama kerjasama erat dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan dan badan-badan lain perlu diteruskan.

Katanya, sekurang-kurangnya, komuniti perlu diberi pencerahan dan perkara asas supaya tidak mengganggu penyu yang hendak naik bertelur.

"Usaha penyebaran maklumat berkaitan penyu itu perlu sebagai ilmu luar kelas supaya setiap tindak tanduk masyarakat tidak menjadi ancaman kepada penyu," katanya.



SUASANA pantai lengang dan kurang dikunjungi orang ramai menarik penyu untuk bertelur dengan lebih selesa.
- UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

15 OCT, 2021

Pengeluaran hasil pertanian dan makanan tidak terjejas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

Pengeluaran hasil pertanian dan makanan tidak terjejas

Pembelian secara digital menuntut pengeluar makanan termasuk petani menambah hasil pengeluaran mereka

Oleh Steve Annuar

MIRI: Penularan pandemik COVID-19 di seluruh negara tidak menjejaskan pengeluaran hasil pertanian dan makanan, sebaliknya meningkatkan permintaan khususnya pembelian secara dalam talian.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Malaysia Datuk Mohd Fasih Mohd Fakh berkata, pembelian secara digital daripada penduduk menuntut pengeluar makanan termasuk petani menambah hasil pengeluaran mereka.

"Masalah pertanian ini kita tidak terjejas kerana masalah makanan dan juga hasil pertanian ini, semua nak makan, jadi bagaimanapun kita tidaklah terlibat dengan masalah ini kerana semua manusia memerlukan makanan jadi kita bagi dan tidak terjejas," jelasnya.

Kerajaan katanya, akan memastikan sumber makanan dan hasil pertanian

mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat.

Beliau menambah, misi FAMA adalah membantu memasarkan hasil pertanian dan makanan.

Fasih menggesa petani dan pengeluar yang berdepan masalah memasarkan produk agar berhubung dengan FAMA di kawasan masing-masing.

Terdahulu Fasih mewakili Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyampaikan bantuan MAFI Prihatin berupa sayur, buah dan produk industri makanan kepada Hospital Miri yang diwakili Pengarahnya Dr Jack Wong.

Bantuan diagihkan kepada 200 petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertugas di hospital tersebut.

Selain petugas barisan hadapan, sumbangan juga diagihkan kepada rakyat yang terkesan dan memerlukan bantuan makanan.

"Kita sentiasa



PENGHARGAAN: Dr Jack (tiga kiri) menerima cenderamata daripada Fasih sebagai tanda simbolik penyerahan MAFI Prihatin sambil disaksikan Abdul Ja'far (dua kiri).

membekalkan makanan kalau diperlukan.

"Sekiranya ada rakyat

menghadapi masalah pengeluaran makanan, sayur-sayuran boleh berhubung

dengan pengarah FAMA Negeri," jelasnya.

Beliau yang juga Ahli



15 OCT, 2021

Pengeluaran hasil pertanian dan makanan tidak terjejas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3

“Masalah pertanian ini kita tidak terjejas kerana masalah makanan dan juga hasil pertanian ini, semua nak makan, jadi bagaimanapun kita tidaklah terlibat dengan masalah ini kerana semua manusia memerlukan makanan jadi kita bagi dan tidak terjejas.”

*Datuk Mohd Fasih Mohd Fakh
Anggota FAMA Malaysia*

Parlimen Sabak Bernam berkata, rakyat boleh berhubung dengan Ahli Parlimen di kawasan mereka yang telah diperuntukkan geran RM300,000 untuk membekalkan bantuan makanan.

Program MAFI Prihatin yang dilancarkan pada Januari tahun ini telah diperkasakan dengan penglibatan swasta dan pemain industri sebagai rakan strategik.

Bantuan turut diberikan kepada mangsa banjir, bencana alam, badan

kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan yang memerlukan.

Sehingga 9 Oktober, bantuan memberi manfaat kepada 38,874 orang di 206 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 84.61 tan metrik makanan telah disalurkan.

Bagi FAMA Sarawak, seramai 1,511 orang telah menerima manfaat setelah dilaksanakan di 14 lokasi.

Hadir sama Pengarah FAMASarawak Abdul Ja'afar Lian.



15 OCT, 2021

Pengeluaran hasil pertanian dan makanan tidak terjejas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

Pembelian secara digital menuntut pengeluar makanan termasuk petani menambah hasil pengeluaran mereka

MIRI: Penularan pandemik C O V I D - 1 9 di seluruh negara tidak menjejaskan pengeluaran hasil pertanian dan makanan, sebaliknya meningkatkan permintaan khususnya pembelian secara dalam talian.



15 OCT, 2021

Most farmers under Fama not affected economically by pandemic — Chairman

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2



Dr Wong (centre) presents a certificate of appreciation to Mohd Fasih upon receiving the Mafi Prihatin aid, witnessed by Abdul Ja'afar (left).

Most farmers under Fama not affected economically by pandemic — Chairman

MIRI: Most farmers under Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) are not affected economically by the current pandemic, as their produce are easily sold and consumed by people daily.

In stating this, Fama chairman Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh said currently farmers under Fama are not much affected by the pandemic as food is one of the most important sources of living.

"We went to see if our farmers experienced any difficulties during this current pandemic, but most are not.

"However, if there are any farmers here who have problems related to their produce, they must get in touch with Fama. I'm sure the state Fama director can help them market their produce," he said.

Mohd Fasih, who is also Sabak Bernam MP, told reporters this after presenting Mafi Prihatin aid to staff of Ministry of Health (KKM) serving at Miri Hospital yesterday afternoon.

Also present were Sarawak Fama director Abdul Ja'afar Lian and Miri Hospital director Dr Jack Wong.

Mafi Prihatin is an initiative of Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) through Fama to help targeted groups who are affected by the Covid-19 pandemic as well as to appreciate their roles as frontliners.

The in-kind contribution comprises vegetables and fruits from local farmers as well as food industry products under Fama.

"Mafi Prihatin programme was launched in January 2021 and it has been enhanced with the involvement of the private sector as their strategic partners, in line with the 'whole-of-

nation' approach that requires collaboration of the community and the government in the war against Covid-19," said Mohd Fasih.

Apart from frontliners, he said the Mafi Prihatin aid has also been channelled to flood victims and non-governmental organisations in need.

"This Mafi Prihatin programme has been very effective in giving benefits to many parties, especially during this challenging time.

"The benefit is also received by frontliners and this has indirectly motivated them to continue their war against Covid-19," he added.

He disclosed that up to Oct 9, Mafi Prihatin through Fama has benefited 38,874 people in 206 locations nationwide with a total contribution of 84.61 metric tons of food and produce.

In Sarawak alone, a total of 1,511 people in 14 locations throughout the state have received Mafi Prihatin aid, he added.

Meanwhile, on behalf of 1,700 Miri Hospital staff, Dr Wong expressed his thanks and gratitude to Mafi and Fama for the contributions.

He said there is no doubt the battle against Covid-19 is tough and is still ongoing, and the impact actually extends beyond frontliners to everyone in the society.

"But we are glad to see different agencies, public and private sectors actually working together to contribute what they have, to help others in need.

"Contributions like this really show that we care for each other in this challenging time, which is very much in line with the 'Keluarga Malaysia' concept mooted by our Prime Minister," he said.



15 OCT, 2021

Most farmers under Fama not affected economically by pandemic — Chairman

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Dr Wong (centre) presents a certificate of appreciation to Mohd Fasih upon receiving the Mafi Prihatin aid, witnessed by Abd Ja'afar (left).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Agrobank tawar pembiayaan percepat teknologi pertanian



Khadijah Iskandar

KUALA LUMPUR: Agrobank akan menawarkan penyelesaian pembiayaan kewangan yang komprehensif dan pada masa yang sama menyokong mempercepatkan teknologi digital dalam industri pertanian serta penerapan amalan pertanian moden.

Institusi kewangan pembangunan (DFI) itu berkata ini adalah sebahagian daripada visinya untuk kelangsungan industri pertanian

menerusi pelan perniagaan strategik lima tahun dari 2021-2025 yang dilancarkan baru-baru ini.

Pemangku Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Khadijah Iskandar berkata bank baru-baru ini bekerjasama dengan Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) bagi menyalurkan pembiayaan berjumlah RM10 juta bertujuan menyokong 200 usahawan sektor pertanian bagi mempercepatkan amalan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) untuk sektor ini.

"Pelbagai kerjasama dengan agensi dan penyedia teknologi dalam program pemecut menerusi aktiviti sandbox telah dimasukkan dalam pelaksanaan kami," kata beliau dalam kenyataan.

"Dalam pelan perniagaan kami, ini adalah sebahagian daripada inisiatif kami, dan kami ingin melakukan lebih daripada sekadar pembiayaan tradisional dan bekerjasama dengan rakan kongsi yang menyokong agenda kerajaan dalam memodenkan sektor pertanian."

Sebagai sebuah DFI dengan fokus untuk mengukuhkan sektor pertanian di Malaysia, Agrobank menawarkan akses penyelesaian kewangan yang holistik serta perkhidmatan melangkaui perbankan kepada pelbagai segmen komuniti pertanian.

Agrobank turut menyokong agenda negara bagi memodenkan sektor pertanian melalui pelbagai dana yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk pembangunan rantaian nilai pertanian seperti pembiayaan pemodenan kapal nelayan.

Khadijah muncul dalam sesi webinar Agro Talk pada Selasa, bersama dengan penceramah lain yang mendapati bahawa teknologi dan digitalisasi semakin mendapat tempat dalam mentransformasikan sektor pertanian.

Mereka menyatakan usahawan agro perlahan-lahan menceburi digitalisasi untuk meningkatkan hasil dan pengeluaran dan pada masa yang sama memenuhi keperluan segmen pengguna yang disasarkan melalui pelbagai platform e-dagang.

Berkongsi pandangan dengan Khadijah semasa webinar bertajuk Entrepreneurship in Malaysia - Redesigning Business Models for the Digital Economy, adalah CEO My Fundaction Afiq Nazary dan 1337 Ventures CEO Bikesh Lakhmichand.

Sesi ini dikendalikan oleh Karamjit Singh, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Digital News Asia. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Agrobank tawar pembiayaan percepat teknologi industri pertanian



AGROBANK akan menawarkan penyelesaian pembiayaan kewangan yang komprehensif dan pada masa yang sama menyokong mempercepat teknologi digital dalam industri pertanian serta penerapan amalan pertanian moden.

Institusi kewangan pembangunan (DFI) itu berkata, ini adalah sebahagian daripada visinya untuk kelangsungan industri pertanian menerusi pelan perniagaan strategik lima tahun dari 2021-

2025 yang dilancarkan baru-baru ini.

Penanggung Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Khadijah Iskandar berkata, bank baru-baru ini bekerjasama dengan Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) bagi menyalurkan pembiayaan berjumlah RM10 juta bertujuan menyokong 200 usahawan sektor pertanian bagi mempercepat amalan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) untuk sektor ini.

“Pelbagai kerjasama dengan agensi dan penyedia teknologi dalam program pemecut menerusi aktiviti sandbox telah dimasukkan dalam pelaksanaan kami,” kata beliau dalam kenyataan.

“Dalam pelan perniagaan kami, ini adalah sebahagian daripada inisiatif kami, dan kami ingin melakukan lebih daripada sekadar pembiayaan tradisional dan bekerjasama dengan rakan kongsi yang menyokong agenda kerajaan dalam memodenkan sektor pertanian.”

Sebagai sebuah DFI dengan fokus untuk mengukuhkan sektor pertanian di Malaysia, Agrobank menawarkan akses penyelesaian kewangan yang holistik serta perkhidmatan melangkaui perbankan kepada pelbagai segmen komuniti pertanian.

Agrobank turut menyokong agenda negara bagi memodenkan sektor pertanian melalui pelbagai dana yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk pembangunan rantaian nilai pertanian seperti pembiayaan pemodenan kapal nelayan.

Khadijah muncul dalam sesi webinar Agro Talk pada Selasa, bersama dengan penceramah lain yang mendapati bahawa teknologi dan digitalisasi semakin mendapat tempat dalam mentransformasikan sektor pertanian.

Mereka menyatakan usahawan agro perlahan-lahan menceburi digitalisasi untuk meningkatkan hasil dan pengeluaran dan pada masa yang sama memenuhi keperluan segmen pengguna yang disasarkan melalui pelbagai platform e-dagang.

Berkongsi pandangan dengan Khadijah semasa webinar bertajuk Entrepreneurship in Malaysia - Redesigning Business Models for the Digital Economy, adalah CEO My Fundaction Afiq Nazary dan 1337 Ventures CEO Bikesh Lakhmichand.

Sesi ini dikendalikan oleh Karamjit Singh, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Digital News Asia. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Harga baja, racun naik bebankan pekebun

Oleh **ZAREEN HUMAIRAH
SEJAHAN dan SHOFI ISA**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira 400,000 atau 80 peratus daripada 500,000 peladang di seluruh negara dihimpit kenaikan harga baja dan racun serangga

sejak sebulan lalu.

Peningkatan harga itu bukan sahaja menyebabkan produktiviti hasil tani terjejas tetapi mengurangkan pendapatan pekebun apabila input menghasilkan projek pertanian lebih mahal daripada produk dikeluarkan.

Bercakap kepada *Utusan*

Malaysia, Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani, Mazlan Aliman berkata, lebih rumitkan apabila berlaku krisis dunia sama ada peperangan atau pandemik yang menjejaskan harga tanaman dan makanan.

Bersambung di muka 4

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Harga baja, racun naik bebbankan pekebun

Dari muka 1

“Ada juga manipulasi pihak tertentu yang mengambil kesempatan sesuka hati dan sehingga hari ini, kita tidak ada kawalan terhadap makanan ternakan bagi golongan petani serta peladang terlibat.

“Hari ini, kita tidak dapat kawal harga dan berlaku kenaikan harga baja yang begitu tinggi. Peladang tidak boleh untung. Saya boleh anggarakan lebih kurang 70 hingga 80 peratus daripada kami terpaksa berdepan dengan bebanan ini.

“Import baja dan racun serangga dari negara luar hanya menambah bebanan kepada petani atau peladang kerana mereka perlu turuti apa sahaja kenaikan yang berlaku. Sudah sampai masanya, kita mengiktiraf kepakaran dalam negara untuk sektor ini,” katanya ketika dihubungi semalam.

Dalam pada itu, Timbalan Presiden Persatuan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia, Adzmi Hassan berkata, kenaikan kos baja dan juga racun secara mendadak itu sangat membebbankan para pekebun kecil, peladang dan petani serta menyebabkan jumlah kutipan hasil perladangan berkurangan.

“Jika dulu, satu beg baja itu

berharga RM3 dan sekarang harganya telah menjadi dua kali ganda iaitu dengan RM6 untuk satu beg. Ini sudah tentu memberi kesan yang besar kepada peladang dan pekebun kecil kita.

“Apabila kos terhadap baja dan racun serangga perlu ditambah maka kita tidak lagi boleh membuat kutipan hasil dua kali setiap bulan kerana mahu jimat kos. Maka, produktiviti juga berkurang dan rendahlah bayaran kutipan yang diterima,” katanya.

Setiausaha Pertubuhan Pekebun-pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong pula berkata, hampir 90 peratus bahan untuk pertanian seperti baja, racun dan benih adalah diimport dan faktor kenaikan harga bahan petroleum serta bahan mentah kurang menyebabkannya berlaku.

“Racun misalnya, sejak April lalu ia naik harga antara 20 hingga 30 peratus. Contohnya, jika harga racun RM80, ia naik RM100. Begitu juga racun rumpai, sejak April lalu naik 30 hingga 40 peratus.

“Kenaikan harga baja dan racun memang membebbankan golongan petani kerana inputnya mahal tetapi harga produk masih sama. Jika berterusan mereka akan rugi,”

katanya di sini semalam.

Timbalan Pengerusi Gabungan Persatuan Pekebun-Pekebun Cameron Highlands, Datuk Syed Abd. Rahman Syed Abd. Rashid pula berkata, mahu tidak mahu petani tetap perlu membeli baja dan racun pertanian walaupun harganya naik mendadak.

“Tidak tahu sampai bila petani mampu bertahan, harga input (baja dan racun) mahal, tetapi harga produk sama dan tidak berlaku kenaikan. Jika dijual mahal orang tidak mahu beli pula,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Yong Peng Johor, Cheng Pai Hoe berkata, kenaikan baja daripada RM110 kepada RM150 bagi setiap beg membebbankan golongan pekebun di kawasan itu.

Malah, harga racun bagi setiap tong berisi 20 liter bahan itu juga naik daripada RM230 kepada RM330 tanpa mengira jenama.

“Ramai ahli persatuan kami merungut kerana mereka sudahlah terjejas akibat kesan pandemik Covid-19 kini terpaksa berhadapan pula isu kenaikan input pertanian yang merupakan perkara utama dalam penanaman sayur,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Dulu selenggara Nuri, kini ternak arnab

Oleh **NOR AINNA HAMZAH**
 utusannews@mediamulia.com.my

REBAU: Seorang pesara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang pernah bertugas menyelenggara helikopter Nuri kini menjadi penternak arnab berjaya lebih setahun lalu.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Gadong di sini semalam, Mohd. Azamil Mohd. Noor, 51, berkata, dia pada mulanya membeli dua ekor arnab pedaging jenis New Zealand White (NZW) di Bukit Badong, Kuala Selangor yang kemudian mahu menternaknya secara komersial selepas menyedari pasaran daging haiwan berkenaan makin meluas.

Menurutnya, dalam tempoh setahun, dia sudah berjaya menjual lebih 50 ekor arnab pelbagai jenis dan kini mempunyai 60 ekor arnab lagi yang bersedia untuk dijual.

“Biasanya kalau arnab pedaging, usia tiga bulan ke atas sudah boleh dijual sama ada untuk dijadikan arnab perap ataupun sate arnab.

“Selain arnab pedaging, saya juga memiliki koleksi ternakan arnab hiasan seperti Dutch, Mini Rex, dan *teddy bear* yang bulu-



SEBAHAGIAN daripada 60 ekor arnab yang dimiliki Mohd. Azamil di Kampung Gadong, Rembau, Negeri Sembilan. - **UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH**

nya kembang serta perlu disikat bagi mengelakkannya bergumpal,” katanya.

Mohd. Azamil yang kini merupakan Imam 1 Masjid Kariah Kampung Gadong berkata, penjagaan

arnab tidaklah terlalu sukar.

Menurutnya, dia tidak menyangka permintaan arnab amat menggalakkan apabila anak arnab berusia 41 hari juga sudah ada pembeli yang berminat.